# JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN

## KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

## KENYATAAN SEBUT HARGA

**Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) mempelawa kontraktor-kontraktor tempatan yang berdaftar dengan CIDB (Taraf Bumiputra) mengikut syarat-syarat pendaftaran yang berkaitan untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan kerja-kerja seperti berikut:-**

| No. Sebut Harga | Tajuk Kerja | Syarat-syarat Pendaftaran | Harga Dokumen Sebut Harga | Tarikh Dan Tempat Dokumen Dijual | Lawatan Tapak | Tarikh Tutup | Kotak Sebut Harga |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **KeTTHA/JPP/SCC/Q3-2017** | KERJA-KERJA PEMASANGAN PAGAR DI ATAS TAPAK TANAH JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN DI ATAS LOT 5173, SG. SIPUT, MUKIM KOTA LAMA, KUALA KANGSAR, PERAK. | **Berdaftar dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor Taraf Bumiputera dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang masih sah bagi Daerah Kuala Kangsar, Perak sahaja.**<br><br>**Gred G1**<br><br>**Kategori CE**<br><br>**Sub Kategori CE21** | RM50.00 (Tidak akan dikembalikan) | **Kaunter Jualan Sebut Harga, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, KeTTHA, Tingkat 9, Blok Pejabat Mines 2, The Mines Resort City, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan.**<br><br>Mulai pada<br>**24 Julai 2017 (Isnin) Hingga 28 Julai 2017 ( Jumaat)**<br><br>Masa :<br>Isnin – Khamis<br>**9.00 pagi – 12.30 T/Hari**<br>Jumaat<br>**9.00 Pagi – 12.00 T/Hari**<br><br>Dan<br><br>Isnin – Khamis<br>**2.30 Ptg – 4.30 Ptg**<br>Jumaat<br>**2.45 Ptg – 4.30 Ptg** | **19 Julai 2017 (Rabu)**<br><br>**Masa: 9.30 pagi**<br><br>**TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK DIWAJIBKAN**<br><br>**Penyebut Harga diminta berkumpul di Hadapan Hospital Sg. Siput, Perak sebelum bertolak ke lokasi/tapak.** | **21 Ogos 2017 Isnin**<br><br>**Jam 12.00 T/Hari** | **'1'** |

Bayaran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk Deraf Bank/Kiriman Wang/Wang Pos di atas nama Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan **pembayaran secara tunai dan cek tidak akan diterima.**

Bagi tujuan di atas, sila bawa bersama **SIJIL PENDAFTARAN ASAL** dengan CIDB, PKK dan SSM yang masih sah tempoh pendaftaran serta **satu salinan sijil-sijil berkenaan** untuk simpanan dan rekod pejabat ini semasa hadir taklimat dan lawatan tapak dan semasa membeli Dokumen Sebut Harga. Dokumen Sebut Harga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah dan hadir semasa sesi taklimat dan lawatan tapak sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa **SURAT WAKIL KUASA.**

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan jelas di penjuru atas sebelah kiri **No. Sebut Harga** serta **Tajuk Kerja** dan dimasukkan ke dalam Kotak Sebut Harga seperti yang dinyatakan di atas di alamatkan kepada :

**Peti Tender, Ruang Legar Tingkat 9,**
**Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air**
**Tingkat 9, Blok Pejabat Mines 2, The Mines Resort City, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan**

Sebut Harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan penghantaran melalui perkhidmatan segera Pos Laju tidak digalakkan. Bukti penerimaan tidak boleh dijadikan sebagai alasan kesempurnaan penerimaan oleh Jabatan. Pihak JPP tidak terikat untuk mengemukakan sebab-sebab Sebut Harga tersebut ditolak atau dibatalkan dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan atau kerugian oleh Penyebut Harga berhubung dengan proses Sebut Harga ini.